

27 JUL 2001

RM2.8 JUTA DIKUMPUL PADA MALAM AMAL BAKTI

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Sumbangan berjumlah kira-kira RM2.8 juta dikumpul pada majlis Malam Amal Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti) malam ini bagi mengisi tabung pembinaan Pusat Komuniti Bakti di Bukit Kiara di sini.

Sebanyak 44 buah pertubuhan menghulurkan sumbangan cek masing-masing yang bernilai antara RM30,000 hingga RM200,000 kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan penaung Bakti.

Yang Dipertua Bakti, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Ali berkata dengan adanya bangunan sendiri, Bakti akan dapat memperluaskan kegiatan amalnya dalam lebih banyak bidang.

Dalam ucapannya pada majlis makan malam itu, beliau berkata pusat itu akan menjadi pusat kaunseling bagi mereka yang menghadapi masalah hidup dari setiap peringkat umur.

"Ia akan menjadi tempat di mana mereka yang menghadapi masalah, berteduh dan bergantung harapan," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyumbangkan lagu "Tunggu Sekejap" ciptaan Allahyarham P.Ramlee manakala Siti Hasmah pula mendendangkan lagu "Gubahanku" di mana mereka menerima tepukan gemuruh daripada para hadirin.

Anggota-anggota Bakti juga turut mengadakan persembahan.

-- BERNAMA

AKT MOZ